

08 JUL 2004

Pemuda-Pencalonan (Kedah)

DUA BAHAGIAN PEMUDA DI KEDAH CALONKAN HISHAMMUDDIN DAN KHAIRY

ALOR STAR, 8 Julai (Bernama) -- Dua bahagian Pemuda Umno di Kedah iaitu Merbok dan Pokok Sena yang mengadakan persidangan perwakilan masing-masing hari ini mencalonkan semula Datuk Hishammuddin Tun Hussein sebagai Ketua Pemuda Umno.

Kedua-dua Pemuda bahagian itu juga mencalonkan Khairy Jamaluddin sebagai naib ketua.

Hishammuddin dan Khairy dijangka memenangi jawatan-jawatan itu tanpa bertanding kerana tiada tokoh lain mengumumkan hasrat untuk bertanding.

Pada persidangan perwakilan Pemuda bahagian Merbok, ketuanya Azmi Abdul Rahim dikalahkan oleh pencabarnya Abdul Karim Ali.

Naib ketua bahagian itu, Seberi Ismail pula ditewaskan oleh pencabarnya Azizul Nizam Bidin.

Persidangan perwakilan bahagian itu juga mencalonkan Datuk Wan Ahmad Farid sebagai Pengerusi Tetap dan Raja Munir Shah sebagai Timbalan Pengerusi Tetap pergerakan tersebut.

Untuk jawatan exco pergerakan itu, bahagian tersebut mencalonkan Azizul Nizam Bidin, Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir (penyandang), Ahmad Ikmal Ismail, Jasni Shafie, Sazmi Miah, Idris Haroun, Wan Ahmad Nizam, Datuk Roslan Saidin (penyandang) Harrison Hassan (penyandang), Reezal Merican, Shamsul Anwar Nasarah, Zulkifli Abdullah, Mohd Yadzan, Datuk Firdaus Ismail (penyandang-dilantik), Shamsul Najmi (penyandang), Jais Sardy, Khamzatun Sulaiman, Effendi Azahari (penyandang), Datuk Hamid Nazhar (penyandang) dan Jaigani Jaafar.

-- BERNAMA

SN MAN ZS ROS